

ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN KEUSAHAWANAN TERHADAP REMAJA MISKIN BANDAR, KUALA LUMPUR

(ENTREPRENEUSHIP TRAINING NEED ANALYSIS AMONG URBAN LOW INCOME TEENAGERS)

Siti Fardaniah Abdul Aziz ¹

¹Pusat Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. Email: daniah@ukm.edu.my

Accepted date: 7 April 2018

Published date: 10 June 2018

To cite this document: Aziz, S. F. A. (2018). Analisis Keperluan Latihan Keusahawanan Terhadap Remaja Miskin Bandar, Kuala Lumpur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3 (11), 85 - 95.

Abstrak : *Golongan remaja yang tinggal di kawasan projek perumahan rakyat (PPR) Kuala Lumpur dikategorikan sebagai golongan miskin bandar di mana purata pendapatan isi rumah keluarga adalah kurang daripada RM940 sebulan. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa golongan ini mengalami tekanan ekonomi sehingga menjerumuskan mereka kepada masalah lain seperti masalah sosial, jenayah, dadah dan pergaduhan. Oleh itu, golongan ini perlu dibantu agar mereka tidak berada dalam tekanan ekonomi secara berterusan. Salah satu usaha yang boleh dilakukan untuk membantu golongan ini adalah dengan memberikan program-program pembangunan manusia; contohnya, Program Kemahiran Keusahawanan agar mereka boleh memilih untuk berniaga sendiri dan seterusnya meningkatkan pendapatan isi rumah. Justeru itu, satu kajian analisis keperluan latihan telah dilakukan untuk menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan minat keusahawanan dalam kalangan 92 remaja di PPR Pantai Dalam dan Desa Rejang, Kuala Lumpur. Hasil kajian mendapati hanya 41.3% daripada remaja ini yang lulus kuiz tidak formal tentang pengetahuan keusahawanan. Selain itu, berdasarkan persepsi sendiri, majoriti remaja mempersepsikan bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan minat mereka berada pada tahap sederhana terhadap bidang keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan dalam meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran, dan minat mereka terhadap bidang keusahawanan melalui program latihan yang bersesuaian.*

Kata Kunci : *remaja, golongan miskin bandar, tahap ekonomi, analisis keperluan latihan, pengetahuan keusahawanan, kemahiran keusahawanan, minat keusahawanan, Kuala Lumpur, Malaysia*

Abstract : *Teenagers living in the area of citizen housing project (PPR) Kuala Lumpur is categorized as urban low income teenagers; in which, their family average income is less than RM940 per month. Previous studies have shown that this community is experiencing economic pressures that plunge them into other problems such as social, crime, drug and fights.*

Therefore, the community needs to be helped so that they are not in constant economic pressure. One of the efforts that can be done to assist the community is to provide human development programs; for example, Entrepreneurial Skills Programs so that they can choose to be entrepreneur and thus increase their household income. Hence, a training need analysis was conducted to determine the level of knowledge, skills and entrepreneurship interests among 92 teenagers at PPR Pantai Dalam and Desa Rejang, Kuala Lumpur. Findings show that only 41.3% of these teenagers passed an informal quiz on entrepreneurial knowledge. In addition, based on self-perception, majority of them perceived that the level of knowledge, skills and interest in entrepreneurship was only at a moderate level. This suggests that there is a need to increase their level of knowledge, skills, and interests in the field of entrepreneurship through appropriate training program.

Keywords: *teenagers, urban poor community, economic level, training need analysis, entrepreneurial knowledge, entrepreneurial skills, entrepreneurship interest, Kuala Lumpur, Malaysia*

Pendahuluan

Penduduk yang tinggal di kawasan projek perumahan rakyat (PPR) Kuala Lumpur dikategorikan sebagai golongan miskin bandar (Malek dan Husin, 2016). Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa golongan ini mengalami tekanan ekonomi sehingga menjerumuskan mereka kepada masalah lain seperti masalah sosial, jenayah, dadah dan pergaduhan (Kamarudin, 2017). Oleh itu, golongan ini perlu dibantu agar mereka tidak berada dalam tekanan ekonomi secara berterusan (Yusof, 2018).

Salah satu usaha yang boleh dilakukan untuk membantu golongan ini adalah dengan memberikan program-program pembangunan manusia; contohnya, program kemahiran keusahawanan agar mereka boleh memilih untuk berniaga sendiri dan seterusnya meningkatkan pendapatan isi rumah (Ibrahim, 2008). Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan minat keusahawanan dalam kalangan remaja miskin bandar di PPR Kuala Lumpur berdasarkan analisis keperluan latihan. Hasil kajian ini sangat penting sebagai maklumat asas untuk merancang dan membangunkan program keusahawanan dalam kalangan remaja miskin bandar di PPR Kuala Lumpur.

Sorotan Karya

Latar belakang remaja miskin bandar di komuniti PPR Kuala Lumpur

Komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) adalah masyarakat yang tinggal dalam kawasan perumahan miskin bandar (Malek dan Husin, 2016). Komuniti ini terhasil apabila pihak kerajaan memindahkan penduduk di kawasan setinggan Kuala Lumpur ke perumahan flat mampu milik yang digelar sebagai kawasan PPR (Malek dan Husin, 2016). Melalui inisiatif kerajaan, PERKASA/Pusat Pemerkasaan Remaja ditubuhkan untuk membantu golongan remaja PPR ini untuk lebih bersedia menghadapi cabaran hidup (PERKASA, 2017).

Golongan miskin bandar dikategorikan sebagai mereka yang mempunyai purata pendapatan isi rumah keluarga kurang daripada RM940 sebulan (KKBPKT, 2018). Kawasan perumahan PPR

dibina sebagai sebahagian daripada program untuk membasmi kemiskinan bandar; di mana penduduknya mempunyai ciri-ciri sama ada menganggur, bekerja sendiri atau bekerja dengan tahap pendidikan yang rendah (Aziz, Ahmad, Hanif & Kok, 2011). Namun, komuniti PPR sering terdedah dengan masalah sosial kerana Kamarudin (2017) melaporkan bahawa penduduk di kawasan PPR mengalami tekanan kemiskinan (masalah ekonomi) yang seterusnya memberi kesan kepada jenis kediaman mereka, dan akhirnya menjerumus kepada masalah sosial, jenayah, dadah dan pergaduhan. Namun, masa depan anak-anak dan remaja PPR ini perlu diberi perhatian agar mereka dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan tekanan ekonomi tersebut.

Selain daripada menawarkan bantuan kewangan bagi pinjaman keusahawanan, bantuan kepada golongan miskin juga perlu meliputi latihan keusahawanan (Ibrahim, 2008). Ini disebabkan latihan akan merangsang aktiviti keusahawanan lalu mewujudkan pekerjaan dan meningkatkan tahap ekonomi keluarga (Boukamcha, 2015). Oleh itu, pihak kerajaan melalui PERKASA/Pusat Pemerksaan Remaja telah menjalankan pelbagai program bagi membangunkan daya saing remaja PPR (PERKASA, 2017).

Organisasi PERKASA ditubuhkan oleh Jabatan Perdana Menteri di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 5 Januari 2010. Organisasi ini berperanan dalam menjalankan penyelidikan dan intervensi untuk tujuan pemerksaan demi membina generasi muda yang berkeyakinan, bersifat dinamik, dan mempunyai jati diri yang mantap melalui dua program iaitu intervensi dalam kem (Kem PERKASA) dan intervensi dalam komuniti (Komunikasi PERKASA).

Melalui intervensi dalam komuniti, PERKASA telah memilih komuniti PPR sebagai sasaran; ini termasuklah PPR Pantai Dalam dan Desa Rejang. Manakala beberapa program bantuan yang diberikan oleh PERKASA kepada remaja PPR termasuklah latihan kemahiran membuat kek dan pastri, fotografi, andaman dan penjagaan kuku, kemahiran bermain alat muzik, dan sebagainya (PERKASA, 2017). Namun, kemahiran ini tidak dapat dimanfaatkan secara maksimum kerana kurangnya peluang pekerjaan dan pendedahan terhadap kemahiran keusahawanan.

Biasanya, kemahiran keusahawanan mampu memotivasikan dan membolehkan seseorang menjadi usahawan berjaya (Drucker, 2015). Pelbagai kemahiran termasuklah kemahiran keusahawanan boleh diajar melalui program latihan yang intensif (Aziz, 2018). Oleh itu, adalah sangat perlu untuk menjalankan analisis keperluan latihan dalam kalangan remaja PPR bagi menentukan tahap serta jenis pengetahuan, kemahiran dan sikap keusahawanan yang diperlukan oleh mereka.

Analisis keperluan latihan untuk menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan minat keusahawanan

Analisis keperluan latihan merupakan kaedah yang digunakan untuk menentukan maklumat yang diperlukan bagi menyediakan program latihan kepada pekerja dalam sesebuah organisasi (Noe, 2017). Namun, ia boleh diadaptasi untuk menentukan keperluan latihan dalam komuniti (Aziz, 2018). Maklumat analisis keperluan latihan penting kerana ia akan menentukan kandungan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang akan diajar dalam sesebuah program latihan (Aziz, 2018). Oleh itu, tahap pengetahuan, kemahiran dan minat remaja PPR terhadap latihan keusahawanan boleh ditentukan melalui analisis keperluan latihan. Dalam konteks

keusahawanan, analisis keperluan latihan sepatutnya mampu menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan minat keusahawanan berdasarkan persekitaran yang sesuai dalam sesebuah negara.

Menurut Noe (2017), terdapat tiga jenis analisis keperluan latihan yang biasa digunakan untuk menentukan maklumat yang diperlukan dalam sesebuah program latihan, ini termasuklah analisis organisasi, analisis tugas dan analisis individu. Analisis organisasi merupakan analisis yang dijalankan untuk menentukan keperluan latihan berdasarkan persepsi majikan atau pihak atasan organisasi; ini termasuklah maklumat tentang sokongan sumber kewangan, pihak atasan, dan keperluan mencapai matlamat dan objektif organisasi. Manakala analisis tugas pula adalah analisis yang dilakukan untuk menentukan senarai pengetahuan, kemahiran, dan kompetensi yang diperlukan oleh pekerja untuk menjalankan tugasnya berdasarkan senarai tugas dalam deskripsi pekerjaannya.

Seterusnya, analisis individu pula dilakukan untuk menentukan sama ada pekerja yang telah dikenal pasti untuk diberikan latihan benar-benar memerlukan latihan tersebut. Analisis individu mampu mengesahkan sama ada individu pekerja memerlukan latihan, tidak rela menghadiri latihan, latihan yang akan diberikan bukanlah latihan yang diperlukannya, atau pekerja menghadapi masalah prestasi yang tidak dapat diselesaikan melalui program latihan. Oleh itu, analisis individu merupakan analisis yang penting dalam analisis keperluan latihan.

Menariknya, kaedah analisis individu boleh diadaptasi dan digunakan untuk menentukan keperluan latihan dalam kalangan remaja miskin bandar di PPR Kuala Lumpur. Menurut beberapa kajian seperti oleh Henry, Hill dan Leitch (2005) serta Boukamcha (2015), program latihan keusahawanan sangat penting kerana kajian lepas telah membuktikan bahawa beberapa jenis pengetahuan dan kemahiran keusahawanan boleh membantu dalam membangunkan usahawan. Misalnya, Boukamcha (2015) menyatakan bahawa latihan keusahawanan mampu meningkatkan keupayaan kognitif dan minat untuk menjalankan perniagaan. Manakala Dana (2001) dan Henry et al. (2005) pula menyatakan seseorang usahawan tidak semestinya dilahirkan tetapi kemahiran keusahawanan ini boleh dipelajari melalui program latihan keusahawanan.

Selain itu, Fogel (2001) dan Dana (2001) pula menjelaskan bahawa beberapa kemahiran termasuklah kemahiran pengurusan kewangan, kemahiran strategi ekonomi, serta kemahiran profesional seperti pengurusan, kepimpinan dan komunikasi diperlukan untuk menjadikan seseorang usahawan berjaya. Selaras dengan itu, James (2008) telah membangunkan ujian ringkas yang bersesuaian untuk menguji tahap pengetahuan dan kemahiran tersebut; instrumen pengujian ini sangat sesuai jika digunakan untuk menentukan tahap pengetahuan keusahawanan. Menariknya, pengkaji-pengkaji lepas tersebut bersetuju bahawa satu analisis keperluan latihan perlu dilakukan sebelum latihan keusahawanan diberikan kerana ia akan menentukan objektif yang perlu dicapai dalam program latihan keusahawanan tersebut.

Menurut Beaver dan Hutchings (2005), analisis keperluan latihan perlu dilakukan kerana terdapat kepelbagaian komuniti dan jenis pengetahuan serta kemahiran keusahawanan berbeza yang diperlukan oleh komuniti yang berbeza. Misalnya, Dana (2001) mendapati pengetahuan dan kemahiran keusahawanan berbeza diperlukan oleh negara yang berbeza di Asia seperti Singapura, Malaysia dan Vietnam; jika sesuatu latihan itu berkesan bagi rakyat di Singapura, tidak semestinya ia akan menjadi berkesan di Malaysia. Manakala Roomi dan Harrison (2008) pula mendapati keperluan latihan keusahawanan dalam kalangan wanita di perusahaan kecil


dan sederhana di England tidak sama dengan mereka yang mengurus perusahaan korporat bersaiz besar. Oleh itu, analisis keperluan latihan perlu dijalankan terlebih dahulu terhadap komuniti sasaran yang ingin diberikan latihan keusahawanan (Jusoh, Ziyae, Asimiran & Kadir, 2011).

Fogel (2001) pula mendapati pengetahuan dan kemahiran keusahawanan bukan saja perlu meliputi pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan proses menjalankan perniagaan seperti pengurusan kewangan dan kepimpinan sahaja, malah ia perlu merangkumi pengetahuan dan kemahiran tentang persekitaran keusahawanan dalam sesebuah kerajaan. Dana (2001) pula menegaskan pengetahuan dan kemahiran tersebut penting kerana usahawan yang berjaya selalunya mampu mengadaptasi persekitaran sesebuah negara yang sesuai dengan pembangunan empayar perniagaannya. Fogel (2001) pula menegaskan bahawa pengetahuan dan kemahiran tersebut termasuklah dari segi bantuan dan polisi kerajaan berkaitan bantuan kewangan dan bukan kewangan, kemahiran keusahawanan dan pengurusan perniagaan, keadaan sosio-ekonomi, serta polisi dan prosedur aktiviti keusahawanan.

Selaras dengan itu, Moustafa (2015) telah menguji instrumen yang sesuai dengan cadangan Fogel (2001) bagi menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan minat keusahawanan berdasarkan persekitaran perniagaan dalam sesebuah kerajaan di 11 buah negara di Liga Arab. Kajian Moustafa (2015) menunjukkan bahawa di negara Liga Arab, Tunisia diikuti Arab Saudi dan Egypt merupakan negara-negara teratas yang menyediakan persekitaran perniagaan yang terbaik untuk rakyatnya. Namun Moustafa (2015) mendapati Amerika Syarikat diikuti Kanada dan New Zealand merupakan negara-negara teratas yang menyediakan persekitaran perniagaan yang terbaik untuk rakyatnya jika dibandingkan secara global. Oleh itu, cadangan Fogel (2001) untuk menentukan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan berdasarkan persekitaran dalam sesebuah kerajaan juga perlu dilaksanakan dalam analisis keperluan latihan keusahawanan dalam kalangan komuniti remaja PPR di Malaysia.

Objektif dan Kerangka Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan minat keusahawanan dalam kalangan remaja miskin bandar di PPR Kuala Lumpur berdasarkan analisis individu. Manakala Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian sebagaimana berikut:



Rajah 1: Kerangka Kajian

Metodologi Kajian

Kaedah kajian adalah menggunakan analisis keperluan latihan berdasarkan kajian tinjauan dan ujian bertulis. Manakala responden pula diambil daripada 92 remaja yang mengikuti program jatidiri anjuran PERKASA pada 17 Disember 2017. Responden ini terdiri daripada remaja yang tinggal dalam komuniti PPR Desa Rejang dan PPR Pantai Dalam.

Ujian pengetahuan keusahawanan yang dibangunkan oleh James (2008) telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu dan diadaptasi sebagai kuiz tidak formal kepada responden. Bahagian ini mengandungi 15 item dengan jawapan pilihan “Ya” atau “Tidak” terhadap pernyataan yang diberikan. Contoh soalan adalah “Kebanyakan perniagaan di Malaysia adalah perniagaan kecil sahaja”. Seterusnya, bagi menentukan tahap lulus atau gagal dalam ujian ini, responden perlu mendapat markah 70% ke atas. Ini disebabkan hasil kajian James (2008) mendapati purata pencapaian responden dalam kajiannya terhadap soalan ujian tersebut adalah 70%.

Manakala bagi kaedah tinjauan pula, soal-selidik yang dibangunkan oleh Moustafa (2015) telah diterjemah ke Bahasa Melayu dan diadaptasi untuk kajian ini. Bagi mengukur pengetahuan tentang bantuan dan sokongan kerajaan, terdapat 10 item yang digunakan. Bagi mengukur tahap pengetahuan tentang perniagaan, modal dan infrastruktur, terdapat 13 item yang digunakan. Manakala bagi mengukur tahap kemahiran konsumer dan pemasaran terdapat 5 item yang digunakan. Sebagai tambahan, bagi mengukur minat terhadap bidang keusahawanan, terdapat 7 item yang digunakan.

Analisis dan Perbincangan Kajian

Hasil kajian mendapati majoriti responden masih bersekolah. Majoriti responden juga tidak lulus kuiz tidak formal tentang pengetahuan keusahawanan. Manakala tahap pengetahuan, kemahiran dan minat keusahawanan responden berada pada tahap yang sederhana. Oleh itu, kursus keusahawanan diperlukan bagi meningkatkan minat untuk menjalankan perniagaan agar remaja PPR mampu meningkatkan pendapatan isi rumah keluarga.


Hasil kajian mendapati responden terdiri daripada remaja yang berumur 12 hingga 28 tahun di mana majoriti iaitu 88% berumur 18 tahun dan ke bawah, terdiri daripada perempuan (53.3%) dan beragama Islam (83.7%). Majoriti responden juga berbangsa Melayu (81.5%), diikuti dengan India (13%), Cina (4%) dan lain-lain bangsa (1%). Jadual 1 pula menunjukkan bahawa majoriti responden masih bersekolah (82.6%), manakala 10% bekerja dan 5% lagi tidak bekerja. Ini menunjukkan bahawa remaja PPR perlu ada keinginan untuk menjadi usahawan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah keluarga.

Jadual 1: Status pekerjaan responden

Status	Kekerapan	Peratusan (%)
Bersekolah	76	83.5
Tidak bersekolah	6	6.6
Bekerja	10	11
Jumlah	92	100


Walau bagaimanapun, hanya 62% daripada responden yang menyatakan mereka berminat untuk menghadiri kursus keusahawanan jika ditawarkan kepada mereka, manakala 33.7% tidak berminat dan 4.3% tidak pasti; ini ditunjukkan dalam Rajah 2. Oleh itu, dapat dilihat bahawa kursus keusahawanan yang sesuai perlu ditawarkan bagi meningkatkan minat remaja PPR

untuk menjadi usahawan dalam usaha meningkatkan pendapatan isi rumah keluarga. Ini bersesuaian dengan dapatan kajian Dana (2001) dan Henry et al. (2005) yang mendapati minat terhadap keusahawanan boleh dipupuk dan dipelajari melalui program latihan yang bersesuaian.




Rajah 2: Kemahuan untuk menghadiri kursus keusahawanan dalam kalangan responden

Hasil kajian juga mendapati hanya 41.3% daripada responden yang lulus kuiz tidak formal tentang pengetahuan keusahawanan manakala majoriti responden iaitu 58.7% tidak lulus ujian tersebut. Ini ditunjukkan dalam Rajah 3. Ini menunjukkan bahawa responden sebenarnya masih tidak memahami dengan jelas tentang aspek keusahawanan. Ini bersesuaian dengan kajian James (2008) yang mendapati responden yang tidak lulus ujian ringkas tentang pengetahuan keusahawanan sebenarnya masih kurang faham apa yang dimaksudkan dengan keusahawanan. Oleh itu, kursus keusahawanan yang perlu diberikan kepada mereka perlulah memberikan mereka maklumat secukupnya tentang aspek keusahawanan terutamanya tentang pengetahuan dan faedah keusahawanan di samping meningkatkan minat untuk menjadi usahawan.



Rajah 3: Keputusan kuiz formal pengetahuan keusahawanan berdasarkan peratus responden

Hasil kajian juga mendapati majoriti responden mempersepsikan bahawa tahap pengetahuan tentang bantuan dan sokongan kerajaan adalah sederhana (63.7%). Manakala bagi tahap pengetahuan tentang perniagaan, modal dan infrastruktur, majoriti responden juga mempersepsikannya sebagai berada pada tahap yang sederhana (64.3%). Majoriti responden juga mempersepsikan bahawa mereka mempunyai tahap kemahiran konsumen dan pemasaran yang sederhana (45.7%). Sebagai tambahan, majoriti responden (51.1%) juga mempunyai tahap minat yang sederhana terhadap bidang keusahawanan. Ini ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 4: Tahap pengetahuan, kemahiran dan minat keusahawanan yang dipersepsikan oleh responden

Selaras dengan dapatan kajian Beaver dan Hutchings (2005) serta Roomi dan Harrison (2008), keperluan latihan bagi setiap komuniti adalah berbeza-beza. Oleh itu, dapat dilihat bahawa keperluan latihan keusahawanan dalam kalangan remaja PPR berada pada tahap yang kritikal kerana majoriti daripada mereka bukan sahaja tidak mempunyai pengetahuan yang secukupnya tentang keusahawanan (ini dibuktikan apabila majoriti responden gagal ujian pengetahuan keusahawanan), malah minat terhadap keusahawanan cuma sederhana. Selain itu, majoriti mereka mempersepsikan perkara-perkara utama untuk menjadi usahawan seperti bantuan yang disediakan pihak kerajaan, kemahiran konsumer dan perniagaan, serta pengetahuan tentang perniagaan, modal dan infrastruktur adalah sederhana.

Cadangan

Beberapa cadangan berdasarkan hasil kajian ini adalah:

- 1) Memberikan program keusahawanan kepada remaja-remaja PPR sebagai permulaan untuk meningkatkan minat untuk menjadi usahawan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah keluarga. Pengisian program ini perlulah mendedahkan faedah keusahawanan dengan cara berkongsi pengalaman dengan usahawan-usahawan sedia ada terutamanya daripada golongan Bumiputera kerana majoriti daripada responden berbangsa Melayu.
- 2) Memberikan bengkel atau latihan keusahawanan kepada remaja-remaja PPR untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran keusahawanan. Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan yang perlu diberikan termasuklah tentang apa yang dimaksudkan dengan usahawan, bagaimana mendapatkan idea perniagaan, bagaimana menguruskan sumber perniagaan, bagaimana menguruskan kewangan perniagaan serta bagaimana merancang sesuatu perniagaan seperti kemahiran membangunkan kanvas perniagaan. Perkara-perkara utama untuk menjalankan perniagaan termasuklah pengetahuan tentang bantuan yang disediakan pihak kerajaan, kemahiran konsumer dan perniagaan, serta

pengetahuan tentang perniagaan, modal dan infrastruktur juga perlu dibekalkan kepada mereka.

- 3) Menjalankan program bantuan usahawan muda sebagaimana yang pernah diberikan kerajaan kepada golongan berpendapatan rendah luar bandar. Program ini termasuklah bantuan kewangan beserta mentoring/coaching usahawan muda, program usahawan perantis, dan sebagainya. Program-program tersebut diperlukan kerana remaja-remaja PPR memerlukan bantuan keusahawanan yang mampu membantu dan membimbing mereka menjadi usahawan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, remaja-remaja di komuniti PPR memerlukan program keusahawanan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat terhadap bidang keusahawanan. Ini disebabkan majoriti daripada mereka tidak lulus ujian pengetahuan tentang keusahawanan serta mempunyai tahap pengetahuan, kemahiran dan minat keusahawanan yang sederhana. Oleh itu, program latihan keusahawanan yang bersesuaian perlu diberikan agar mereka berminat menjadi usahawan dan seterusnya mampu meningkatkan pendapatan isi rumah keluarga.

Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA), di bawah kerjasama Jabatan Perdana Menteri dan Universiti Kebangsaan Malaysia melalui geran penyelidikan SK-2017-043.

Rujukan

- Aziz, S. F. A. (2018). *Keberkesanan latihan dan pembangunan sumber manusia*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Aziz, W. N. W. A., Ahmad, F., Hanif, N. R., & Kok, W. H. (2011). Pembasmian kemiskinan bandar ke arah bandar inklusif dan sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction and Property*, 2(1), 107-124.
- Beaver, G., & Hutchings, K. (2005). Training and developing an age diverse workforce in SMEs: The need for a strategic approach. *Education+ Training*, 47(8/9), 592-604.
- Boukamcha, F. (2015). Impact of training on entrepreneurial intention: An interactive cognitive perspective. *European Business Review*, 27(6), 593-616.
- Dana, L. P. (2001). The education and training of entrepreneurs in Asia. *Education + Training*, 43(8/9), 405-416.
- Drucker, P. (2015). *Innovation and Entrepreneurship*. New York: Routledge/Taylor & Francis.
- Fogel, G. (2001). An analysis of entrepreneurial environment and enterprise development in Hungary. *Journal of Small Business Management*, 39(1), 103-109.
- Henry, C., Hill, F., & Leitch, C. (2005). Entrepreneurship education and training: Can entrepreneurship be taught? Part I. *Education+ Training*, 47(2), 98-111.
- Ibrahim, P. (2008). Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: Tinjauan empirikal. *Jurnal Syariah*, 16(2), 223-244.
- James, K. B. (2008). *Participation in a National Foundation for Teaching Entrepreneurship Program: The Impact on High School Students' Knowledge of Entrepreneurship and Evaluation of the Learning Experience*, Doctoral dissertation, Wilmington University, (UMI No. 3312905).

- Jusoh, R., Ziyae, B., Asimiran, S., & Kadir, S. A. (2011). Entrepreneur training needs analysis: Implications on the entrepreneurial skills needed for successful entrepreneurs. *The International Business & Economics Research Journal*, 10(1).
- Kamarudin, K. (2017, 23 Februari). Budaya setingan di kejiranan rumah pangsa. *Kosmo!*, from http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0522&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm
- KKBPKT. (2018). Portal Rasmi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB). Retrieved 31 Mac 2018, 2018, from <http://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/285>
- Malek, N. M., & Husin, A. (2016). Pemilikan rumah dalam kalangan masyarakat bandar berpendapatan sederhana dan rendah di Malaysia. *Sosiohumanika*, 5(2), 269-284.
- Moustafa, R. M. (2015). *Evaluating the institutional environment for entrepreneurship: A cross-national study on Arab countries*, Doctoral dissertation, Milano School of International Affairs, Management, and Urban Policy, (UMI No. 10015145).
- Nieman, G. (2001). Training entrepreneurs and small business enterprises in South Africa: A situational analysis. *Education+ Training*, 43(8/9), 445-450.
- PERKASA. (2017). Pusat Pemerkasaan Remaja, Universiti Kebangsaan Malaysia. Retrieved 1 Mac 2017, from <http://www.ukm.my/perkasa/ms/>
- Roomi, M. A., & Harrison, P. (2008). Training needs for women-owned SMEs in England. *Education + Training*, 50(8/9), 687-696.
- Yusof, M. A. M. (27 Disember 2018). Bantu miskin bandar. *Utusan Online*, from <http://www.utusan.com.my/rencana/bantu-miskin-bandar-1.173263>